

28 NOV 1996

JAWATANKUASA KHAS POLITIK WANG TERUS SIASATAN

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Jawatankuasa khas Umno yang diwujudkan untuk menyiasat amalan politik wang dan penyalahgunaan kuasa dalam pemilihan parti itu Oktober lepas akan meneruskan tugasnya, kata Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Jawatankuasa yang dipengeruskannya itu masih wujud dan akan menyiasat sebarang aduan yang dikemukakan kepadanya, kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi parti itu yang pertama selepas pemilihan parti Oktober lepas.

Beliau berkata demikian apabila ditanya sama ada MT telah membubarkan jawatankuasa itu ekoran perlantikan anggota baru Biro Politik serta Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan parti.

"Ya, ya kami akan terus menyiasat," katanya.

Dr Mahathir semasa menggulung perbahasan pada hari terakhir perhimpunan parti telah memberi jaminan bahawa setiap anggota yang terlibat dengan politik wang atau penyalahgunaan kedudukan akan dikenakan tindakan sekalipun jika mereka berjaya dipilih memegang jawatan dalam parti.

Mengenai anggota baru biro politik, beliau berkata beliau sendiri selaku pengerusinya manakala anggotanya ialah Timbalan Presiden, Naib-naib Presiden, Setiausaha Agung dan Ketua Penerangan serta Ketua Pemuda dan Wanita.

Dr Mahathir berkata Jawatankuasa Disiplin dan Pengurusan dipengerusikan oleh Timbalan Presiden manakala anggota-anggotanya ialah Naib-naib Presiden, Setiausaha Agung, Ketua Penerangan dan ketua-ketua Pemuda dan Wanita. --BERNAMA

ZKS SJA WAT